

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 25.05.2026 MASA: 12.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN SAMBUNGAN JALAN 80 KAKI DI
JALAN TASEK MUTIARA 10 & LAMPU ISYARAT DI
PERSIMPANGAN JALAN HIJAUAN HILLS 1 / JALAN
VALDOR, SEBERANG PERAI SELATAN

TARIKH / MASA / TEMPAT

26 MEI 2026 (SELASA)
9.40 PAGI

JALAN TASEK MUTIARA 10, BANDAR TASEK MUTIARA
SEBERANG PERAI SELATAN

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Zairil Khir Johari

EXCO Infrastruktur, Pengangkutan Dan Digital

Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye

EXCO Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

Yang Berhormat Tuan Goh Choon Aik

EXCO Perdagangan Dan Perpaduan Masyarakat

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Rakan-Rakan Strategik

Yang Berusaha TPr Hj. Mohd Ridzal Bin Abdul

Pengarah Perhubungan Komuniti Merangkap Penyelaras Program

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. ***Alhamdulillah***, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam **Majlis Perasmian Sambungan Jalan 80 Kaki di Jalan Tasek Mutiara 10 & Lampu Isyarat di Persimpangan Jalan Hijauan Hills 1 / Jalan Valdor, Seberang Perai Selatan**. Projek-projek infrastruktur ini, amat signifikan dalam memperkukuhkan jaringan mobiliti dan kesejahteraan rakyat di kawasan ini.
2. Saya bagi pihak seluruh warga kerja **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)**, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Yang Berhormat Tuan Zairil Khir Johari, Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye dan Yang Berhormat Tuan Goh Choon Aik**, atas kesudian hadir serta sokongan berterusan kepada agenda pembangunan dan kemajuan Seberang Perai.
3. Setulus penghargaan dan ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada did-dif jemputan, pihak Palmington Sdn. Bhd., pihak Asas Dunia Berhad, warga MBSP dan semua hadirin yang menghadiri majlis ini.

Yang Berhormat dan hadirin yang dihormati sekalian,

4. Majlis pada hari ini bukan sekadar majlis pembukaan jalan dan lampu isyarat. Hari ini adalah simbol kepada sebuah komitmen besar; komitmen kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan sektor swasta dalam memastikan pembangunan yang berlaku di Seberang Perai bukan sahaja pesat, tetapi tersusun, inklusif dan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat.
5. Kawasan Bandar Tasek Mutiara yang dibangunkan oleh Tetuan Palmington Sdn. Bhd. melibatkan keluasan pembangunan melebihi 1,100 ekar, manakala kawasan Hijauan Hills dan Valdor yang dibangunkan oleh Tetuan Asas Dunia Berhad pula melibatkan kira-kira 400 ekar. Kedua-dua kawasan ini merupakan antara pusat pertumbuhan utama di Seberang Perai Selatan yang berkembang dengan amat pesat.
6. Sesungguhnya, sambungan Jalan 80 kaki ini sebenarnya telah lama dirancang sebagai laluan strategik yang menghubungkan Bandar Tasek Mutiara dengan Hijauan Hills dan Jalan Valdor. Menyedari keperluan rakyat setempat, Kerajaan Negeri bersama MBSP telah mengambil pendekatan proaktif dengan bekerjasama bersama pihak pemaju untuk melaksanakan projek ini lebih awal demi kemudahan penduduk.

7. Pada masa yang sama, bagi memastikan aliran trafik di kawasan ini lebih lancar, selamat dan tersusun, pihak Asas Dunia Berhad turut bekerjasama melaksanakan pemasangan lampu isyarat dan kerja naik taraf persimpangan Jalan Hijauan Hills 1 / Jalan Valdor.
8. Inilah bukti bahawa apabila kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan sektor swasta bergerak seiring, hasilnya bukan sekadar pembinaan jalan raya, tetapi pembinaan sebuah kehidupan yang lebih baik untuk rakyat.
9. Saya percaya, pembukaan sambungan jalan ini akan memberi impak besar kepada penduduk di Bandar Tasek Mutiara, Pearl City, Hijauan Hills, Valdor, Taman Merak Jaya serta seluruh kawasan sekitar Simpang Ampat. Ia bukan sahaja memendekkan masa perjalanan, malah meningkatkan akses ke kawasan perumahan, sekolah, kawasan komersial dan pusat aktiviti ekonomi. Inilah sebenarnya makna pembangunan yang sebenar, pembangunan yang dapat dirasakan rakyat dalam kehidupan harian mereka.

Yang Berhormat dan hadirin sekalian,

10. Seberang Perai sedang bergerak pantas sebagai bandar masa hadapan yang mampan, pintar dan berdaya huni. Kita bukan hanya mahu membina bangunan dan jalan raya, tetapi membina sebuah bandar yang benar-benar selesa untuk didiami rakyat.

11. Aspirasi “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan” bukan sekadar slogan. Ia adalah komitmen kita untuk memastikan setiap pembangunan yang dilaksanakan memberi nilai tambah kepada rakyat dan generasi akan datang.
12. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas sokongan berterusan dalam merealisasikan agenda pembangunan Seberang Perai demi kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.